



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 SEPTEMBER 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | | |
|---|---|----|
| - | MCA Pandan gesa MPAJ baik pulih taman permainan | 41 |
|---|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
05 SEPTEMBER 2017 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MCA Pandan gesa MPAJ baik pulih taman permainan
Muka Surat	41

**MCA Pandan gesa MPAJ
baik pulih taman permainan**

AMPANG – MCA Bahagian Pandan menggesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) segera menyelenggarakan dan membaik pulih peralatan termasuk papan tanda di taman permainan sekitar Parlimen Pandan dan Dun Teratai.

Ketua MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, langkah itu dilihat penting bagi mengelak kejadian kemalangan yang menimpa seorang remaja berusia 13 tahun pada Julai lalu berulang.

Menurutnya, terdapat 50 taman permainan di sekitar Parlimen Pandan.

“Ada sebahagian daripada taman permainan ini dipercayai tidak diselenggarakan dengan baik.

“Pihak berwajib perlu keluarkan peruntukan untuk baik pulih taman permainan ini demi kesejahteraan penduduk,” katanya.

Sementara itu bapa kepada kanak-kanak itu, Muhammad Khairul Amal Yusof berkata, kejadian kemalangan itu menyebabkan pipi anaknya terkoyak akibat terjatuh berhampiran rangka papan tanda yang dicabut oleh individu tidak bertanggungjawab.

“Masa tu anak saya tengah main bola dengan kawan-kawan dia.

“Anak saya terima tujuh jahitan, sekarang ni dia trauma... tak keluar rumah dah nak masuk dua minggu.

“Kami sekeluarga menunggu maklum balas MPAJ sebab nak tahu bantuan bagaimana yang boleh diberikan kepada anak saya ini,” katanya.